

## **SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (16)

Tarikh : 7 Julai 2014

### **Ketua Pengarang Berita Harian**

Tuan,

### **MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR BERITA HARIAN BERTAJUK "MISTERI 1.8 JUTA MYKAD HILANG" BERTARIKH 7 JULAI 2014, ISNIN – M.S: MUKA DEPAN & 6 (NASIONAL)**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Bagi Januari hingga Jun tahun 2014, pihak Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia hanya merekodkan sebanyak 218,548 permohonan hilang kad pengenalan yang diterima di JPN.

3. Catatan rekod berkaitan sebab kehilangan berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pemohon semasa membuat permohonan gantian MyKad didapati bahawa sebab-sebab kehilangan bukan sahaja disebabkan oleh kecuaiian tetapi juga disebabkan oleh kes-kes jenayah seperti ragut, rompak dan juga disebabkan oleh bencana.

4. Sehingga kini kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk menangani isu tersebut termasuk menaikkan kadar bayaran bagi kes - kes kehilangan MyKad mulai 1 September 2007. Kadar denda dikenakan akan membantu dalam usaha kerajaan bagi menangani jumlah MyKad hilang dan seterusnya akan membantu meningkatkan kesedaran orang ramai berkaitan kepentingan menjaga MyKad

5. Sehubungan dengan itu Jabatan ini memohon kerjasama daripada semua pemilik MyKad agar menjaga MyKad dengan teliti kerana sekiranya MyKad tersebut hilang dan digunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab maka sudah tentu ianya boleh memberikan implikasi pada pemiliknya dan juga pada keselamatan negara.

7. Jabatan ini juga ingin menjelaskan bahawa tanggungjawab menjaga kad pengenalan adalah terletak pada setiap pemegang MyKad tersebut sebagaimana dinyatakan di bawah Peraturan 6, Akta Pendaftaran Negara 1959 dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2010).

Sekian, terima kasih.

## **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

### **Pejabat Perhubungan Awam,**

b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:

1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)